

Newspaper	HARAKAH
Date	6 APRIL 2015

Zam turut kukuhkan kenyataan Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Tidak cukup dengan serangan yang dibuat Tun Dr Mahathir Mohamad ke atas Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak, bekas menteri penerangan, Tan Sri Zainuddin Maidin pula menambah perit Presiden Umno itu dengan menyifatkan hubungan antara dua tokoh itu kini di peringkat yang paling genting.

Beliau yang lebih mesra dengan panggilan Zam mengulas tulisan Dr Mahathir dalam blognya hari ini yang menyentuh tentang hubungan kes pembunuhan Altantuya dengan bekas pegawai peribadi Najib.

"Maka saya sebagai seorang tua yang mengenali peribadi Mahathir dari dekat sekian lama dan juga mengetahui peribadi Dato'

Seri Najib gementar dengan perasaan bahawa hubungan antara mereka telah sampai ke peringkat paling genting dan tiada lagi jalan yang cerah di hujung terowong," tulis Zam dalam blognya 2 April lalu dipetik.

"Saya tahu Mahathir sanggup untuk jadi apa pun dan sedia untuk apa pun terjadi kepadanya kerana kepercayaannya," tulis Zam yang juga bekas ketua penganrang kumpulan Utusan.

Menulis di blognya, Mahathir berkata kenyataan Sirul Azhar Umar bahawa dia hanya menjalankan arahan ketika membunuh Altantuya Shaariibuu harus disiasat.

Sementara itu, wartawan terkenal, Dato' A Kadir Jasin yang turut dikaitkan rapat

dengan Dr Mahathir turut memberi komentar pedas berhubung isu terbabit.

Dalam satu laporan Malaysiakini 2 April lalu, beliau menimbulkan beberapa perkara yang mungkin menghalang Dr Mahathir daripada melancarkan serangan lebih awal ke atas Najib Razak.

Katanya, Mahathir mungkin ingin mengelak daripada memalukan Najib ketika perdana menteri itu sedang menyambut menantu baru.

Mahathir juga mungkin menunggu masa sehingga Dato' Seri Anwar Ibrahim dipenjarakan kerana ketua pembangkang itu menjadi ancaman kepada Umno, kata Kadir.

Pada pagi 2 April, barulah Mahathir melancarkan

serangannya dengan membangkitkan mengenai kes pembunuhan Altantuya Stjaariibuu yang menghantui Najib sejak sedekad lalu.

Mahathir juga membangkitkan isu Malaysia Development Bhd (IMDB) dan membayangkan bahawa BN akan tewas dalam pilihan raya umum akan datang.

Menurut Mahathir, semua kumpulan masyarakat kini sudah hilang kepercayaan kepada Najib.

Kadir seterusnya mempersoalkan sekiranya akan timbul laporan polis ke atas Mahathir.

"Adakah akan ada laporan seperti yang dibuat ke atas pemimpin Umno, Dato' Seri Khairuddin Abu Hassan kerana mempersoalkan IMDB?" kata beliau lagi.